

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' KAMARUDIN BIN
JAFFAR [TUMPAT]**

TARIKH : 14 MAC 2016

SOALAN :

YB Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah pembaharuan-pembaharuan dan penambahbaikan di dalam perjalanan Dewan Rakyat yang akan di perkenalkan bermula tahun ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penambahbaikan atau pembaharuan Parlimen telah dicadangkan melalui pindaan kepada Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat seperti pindaan kepada pertanyaan jawab lisan, mewujudkan Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri, mewujudkan Kamar Khas dan cadangan untuk menubuhkan Jawatankuasa Pilihan baharu. Melalui mesyuarat Jawatankuasa Kabinet, pindaan yang dicadangkan tersebut telah diperhalusi dan dipersetujui kecuali cadangan untuk mewujudkan Jawatankuasa Pilihan baharu yang ditangguhkan bagi maksud menjalankan kajian yang lebih mendalam.

Penyata Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat berhubung dengan cadangan pindaan tersebut akan dibawa untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Kerajaan sentiasa memberikan sokongan dalam memastikan perancangan dan cadangan ke arah penambahbaikan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.